

02/05/2003

IPT awam, swasta disaran kaji pemikiran Dr Mahathir

Syuhada Choo Abdullah

INSTITUSI pengajian tinggi (IPT) di negara ini disaran memperkenalkan mata

pelajaran berkaitan cetusan minda dan pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sering mendapat pengiktirafan tinggi oleh masyarakat serta pemimpin dunia.

Pengerusi Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB), Datuk Abdul Aziz Rahman, berkata langkah itu penting bagi membolehkan generasi pelapis dan ahli akademik mengkaji, mengupas serta mendalami intipati yang dilahir oleh minda dan pemikiran Dr Mahathir.

Beliau berkata, cetusan minda, pemikiran serta idea Perdana Menteri, yang berciri sejagat dan berpandangan jauhnya perlu dimanfaatkan secara ilmiah pelajar di IPT, sama ada awam (IPTA) atau swasta (IPTS) seluruh negara.

Dalam konteks ini, beliau berkata pihak IPTA dan IPTS boleh mengambil inisiatif mewujudkan pusat pemikiran Dr Mahathir sebagai ruang untuk mewacana cetusan minda beliau dari pelbagai aspek, yang terbukti berjaya menjana pembangunan pesat di Malaysia.

Sehubungan itu, beliau berkata, penghasilan buku terjemahan 'Koleksi Minda Perdana Menteri' yang dijadualkan dilancar oleh Yang Dipertuan Agong di Putrajaya, 13 Mei ini, begitu signifikan untuk mewacana cetusan minda dan pemikiran Dr Mahathir di kalangan segenap peringkat rakyat, terutama golongan generasi pelapis serta ilmuwan.

"Bukan itu saja, ITNMB juga sedang mengusahakan kerjasama dengan beberapa pihak negara lain ke arah menterjemahkan cetusan minda dan pemikiran Perdana Menteri ke dalam bahasa asing.

"Cetusan minda Perdana Menteri memang istimewa serta berpandangan jauh, dan banyak pemikiran mahupun idea beliau yang terbukti benar atau berkesan.

"Malah berikutan kejayaan yang dicapai, masyarakat global kini semakin mengenali dan menghormati Malaysia, sekali gus memberikan kesan peningkatan keyakinan, martabat serta jati diri rakyat negara ini," katanya kepada Berita Harian ketika berkunjung ke Balai Berita, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Abdul Aziz berkata, Koleksi Minda Perdana Menteri dihasilkan dengan usaha sama Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan mengandungi 14 judul buku yang diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Sebagai permulaan, setiap judul berkenaan akan dicetak sebanyak 5,000 naskhah.

Judul berkenaan ialah Perubahan Fasa Ekonomi Malaysia; Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia; Pembangunan Ekonomi dalam Islam; Globalisasi, Perkongsian Pintar dan Kerajaan; Astronomi Islam dan Perkembangan Sains; Islam dan Umat Islam; Undang-undang Keterangan Islam; Wawasan 2020 Malaysia; Pengurusan Ekonomi Malaysia; Koridor Raya Multimedia; Lingkaran Pasifik dalam Abad Ke-21; Politik, Demokrasi dan Asia Baru; Kerjasama

Serantau dan Ekonomi Digital; serta Wawasan dan Kepemimpinan - Nilai dan Strategi Ke Arah Wawasan 2020.

Beliau berkata, suatu kolokium berkaitan dirancang diadakan beberapa bulan selepas pelancaran koleksi minda berkenaan, di mana golongan cendekiawan akan memberikan kupasan dari pelbagai aspek ilmiah.

Sementara itu Ketua Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, Profesor Madya Dr Mohd Rasid Hussin yang hadir mewakili Naib Canselor, Profesor Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, pula berkata buku koleksi berkenaan akan turut dimanfaatkan sebagai rujukan ilmiah di kalangan pelajar, ahli akademik dan kakitangan universiti itu.